



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepe.com



AMALAN PENTAKSIRAN KEMAHIRAN INSANIAH MURID
SEKOLAH MENENGAH: SATU KAJIAN AWAL

*ASSESSMENT PRACTICE OF STUDENTS' SOFT SKILLS AT SECONDARY
SCHOOL: AN EARLY STUDY*

Mohd Hussin Musa^{1*}, Christina Andin², Mohd Nasir Rayung³, Syahrul Nizam Salam⁴

¹ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: husmus@oum.edu.my

² Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: christina@ums.edu.my

³ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: mohdnasirrayung@gmail.com

⁴ The Centre For the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: insantakwa@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 13.10.2020

Revised date: 01.11.2020

Accepted date: 11.03.2021

Published date: 15.03.2021

To cite this document:

Musa, M. H., Andin, C., Rayung, M. N., & Salam, S. N. (2021). Amalan Pentaksiran Kemahiran Insaniah Murid Sekolah Menengah: Satu Kajian Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (38), 126-136.

DOI: 10.35631/IJEPC.6380011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menilai amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid dalam kalangan guru sekolah menengah di daerah Tawau, Sabah. Seramai 271 orang guru dari 15 sekolah menengah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif secara tinjauan menggunakan borang soal selidik. Instrumen kajian terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan ciri demografi responden manakala Bahagian B mengukur amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid mengikut lapan konstruk kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat, kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik, dan kemahiran memahami budaya. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social science SPSS. Analisis data dilaporkan dalam bentuk peratusan, min, dan ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pentaksiran lapan konstruk kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian juga bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap amalan pentaksiran 8 konstruk kemahiran insaniah berdasarkan ciri demografi responden. Selain daripada itu, kajian ini juga

mendapati bahawa tidak terdapat instrumen penilaian khas yang digunakan oleh guru untuk mentaksir elemen kemahiran insaniah murid dalam PdPc. Oleh yang demikian kajian ini mencadangkan pembinaan satu instrumen pentaksiran kemahiran insaniah murid sekolah menengah berdasarkan konstruk kemahiran insaniah yang bersesuaian dengan tahap perkembangan murid secara holistic.

Kata Kunci:

Kemahiran Insaniah, Pentaksiran, Guru Sekolah Menengah

Abstract:

This study aims to evaluate the practice of soft skills assessment among pupils among secondary school teachers in Tawau district, Sabah. A total of 271 teachers from 15 secondary schools were chosen as a sample of the study. This study uses a descriptive research method using a questionnaire. The research instrument is divided into two parts: Part A and Part B. Part A contains questions related to the respondents' demographic characteristics while Part B measures the practice of student's soft skills assessment according to eight soft skill groups namely communication skills, technology skills, planning, and managing skills, skills working with others and in groups, problem-solving skills, managing skills, selecting and analyzing information, skills using mathematical ideas and techniques, and skills in understanding the culture. The data were analyzed using Statistical Packages for Social Science (SPSS). Data analysis is reported as a percentage, min, and T-test. The findings of the study show that the practice of assessing eight soft skills constructs in teaching and facilitating is at a moderate level. The findings also showed that there were no significant differences in the practice of assessing 8 soft skills constructs based on respondents' demographic characteristics. In addition, this study also found that there was no special assessment instrument used by teachers to assess the element of student's soft skills in teaching and facilitating. Therefore, this study proposes the construction of an instrument of soft skills assessment of high school students based on the soft skills constructs that are appropriate to the level of pupil development holistically.

Keywords:

Soft Skills, Assessment, Secondary School Teacher

Pengenalan

Kemahiran Penerapan kemahiran insaniah adalah penting dan seharusnya dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat sekolah menengah dalam usaha menyediakan murid menghadapi Revolusi Industri 4.0. Sistem Pendidikan di Malaysia turut merasa bahang kesan daripada isu global ini kerana penguasaan kemahiran insaniah merupakan faktor yang paling signifikan serta penyumbang tertinggi terhadap kebolehpasaran graduan (Rozita, 2018). Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan bahawa sistem pendidikan bukan sahaja perlu menekankan aspek kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif, namun perlu melibatkan kemahiran insaniah bagi pembentukan modal insan yang seimbang agar dapat bersaing dengan dunia luar. Kenyataan ini disokong oleh Allan dan Clarke (2007); Biggs (2003); Smith dan Bath (2006), yang menyatakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran harus difokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran dalam empat domain utama, iaitu kognitif, psikomotor, afektif, dan sosial. Sekolah menengah seharusnya menjadi tempat yang paling sesuai untuk menggilap dan

menerapkan kemahiran insaniah pada peringkat awal (Anuwar Ali 2006; Allan & Clarke 2007; Ballantine & Larres 2007; Bennett, Dunne & Carré 2000; Biggs 2003; Jager & Nassimbeni 2005; KPT 2006a; Lizzio & Wilson 2004; Lublin 2003).

Penekanan terhadap kemahiran insaniah ini di sokong oleh Anuwar Ali (2006); Sharifah Hapsah (2008), yang menyatakan salah satu objektif utama kurikulum sekolah adalah melahirkan individu yang dapat menggunakan ilmu dan kemahiran secara kreatif, berimajinasi dan beretika untuk meningkatkan pencapaian akademik masing-masing. Manakala proses penilaian dan penjaminan kualiti setiap murid yang dilahirkan merupakan salah satu proses dalam sistem pendidikan pada hari ini. Sungguhpun proses ini sukar dibangunkan, inisiatif ini amat penting untuk menentukan sama ada pencapaian kemahiran insaniah dalam kalangan murid sekolah menengah wujud atau sebaliknya (Hambur, Rowe & Luc 2002). Penerapan kemahiran insaniah di sekolah menengah telah diintergrasikan dalam penggubalan Kurikulum Pendidikan KBSM (Pusat Perkembangan Kurikulum-PPK 2001). PPK (2001) telah menggariskan kemahiran insaniah diperlukan murid seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat, kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik, dan kemahiran memahami budaya.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk melihat tahap amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid oleh guru sekolah menengah dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid sekolah menengah dalam pengajaran dan pemudahcaraan.
2. Mengetahui perbezaan tahap amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid yang sekolah menengah dalam pengajaran dan pemudahcaraan berdasarkan jantina.

Kajian Literatur

Hasil kajian literatur secara menyeluruh dalam dan luar negara berkaitan dengan amalan pentaksiran kemahiran insaniah mendapati pengukuran kemahiran insaniah sangat popular. Namun, penelitian mendapati masih kurang instrumen yang dibina berasaskan pentaksiran prestasi murid di peringkat sekolah menengah. Pentaksiran prestasi ini mampu mendapatkan keupayaan sebenar murid dalam kemahiran insaniah. Gardner (1993) menyatakan kebanyakan pihak yang bertanggungjawab dalam pengujian percaya bahawa prestasi kebolehan dan ujian pencapaian dapat menggambarkan kebolehan maksimum yang wujud. Oleh itu item prestasi yang terdapat dalam kajian ini dapat memenuhi lompang-lompang kosong bagi alat pengujian kemahiran insaniah yang terdapat di pasaran.

Di Australia pengendalian pentaksiran kemahiran insaniah diuruskan oleh Australian Council for Educational Research (ACER) dan di Amerika Syarikat dikendalikan oleh Educational Testing Service (ETS). Instrumen yang dikenal pasti ada kaitan dengan pentaksiran kemahiran insaniah bagi murid universiti yang dikendalikan oleh ACER (2000, 2001a, 2001b) ialah Graduate Skills Assessment (GSA), Center for Research on Evaluation, Standards and Student Testing (CRESST) model problem-solving assessment (Herl et al. 1999). Special Tertiary Admissions Test (STAT), Mature Students Admissions Pathway (MSAP), dan UNiselect. Manakala instrumen yang dikendalikan oleh Educational Testing Services pula ialah ETS Proficiency Profile (EPP), Graduate Record Examinations (GRE), Examen de Admisión a

Estudios de Posgrado (EXADEP) iCritical Thinking (iCT), Major Field Tests (MFT), dan Test of English as a Foreign Language (TOEFL).

Alat ujian seperti Australia Scaling Test (digunakan untuk subjek UAI / TER berdasarkan tujuan dalam ACT), Special Tertiary Admissions Test (digunakan untuk pemilihan pelajar-pelajar yang senior untuk masuk ke universiti-universiti di Australia), dan General Achievement Test (digunakan untuk beberapa tujuan di Victoria, tetapi secara umumnya digunakan untuk sebagai satu perbandingan kebolehan akademik berbanding pencapaian). Instrumen ini merangkumi tiga komponen iaitu (i) kefahaman lisan / kefahaman sosial-budaya berdasarkan lebih banyak kepada kemanusiaan dan konteks sains sosial (aneka pilihan); (ii) taakulan logikal dan kuantitatif berdasarkan matematik gunaan, sains dan konteks sains sosial (aneka pilihan); dan (iii) komunikasi bertulis. Pentaksiran ini adalah berdasarkan konteks universiti atau pendidikan di Australia dan kurang sesuai untuk digunakan secara terus di Malaysia. Oleh itu pentaksiran pretasi yang dibentuk dalam kajian ini adalah satu keperluan bagi mengisi kekurangan alat pengujian kemahiran insaniah yang terdapat di Malaysia.

Di Amerika Syarikat pentaksiran kemahiran insaniah lebih banyak menggunakan soalan aneka pilihan seperti Academic Profile Test (menaksir murid universiti/kolej di peringkat tahun satu (masuk) dan akhir (keluar) dalam kemahiran membaca/pemikiran kritikal, penaakulan matematik dan penulisan, yang berkaitan dengan bidang umum Kemanusiaan, Sains Sosial dan Alam Semula jadi; instrumen Graduate Records Exam (GRE) - General Test (untuk memilih murid ke kursus ijazah lanjutan berdasarkan komponen yang berkaitan dengan kebolehan verbal, keupayaan kuantitatif dan logikal/penaakulan analitikal); Scholastic Assessment Test 1 (yang menyerupai GRE tetapi tahap yang rendah sedikit dan digunakan untuk pemilihan masuk ke universiti/kolej); dan Graduate Management Admissions Test (juga menyerupai GRE dan digunakan untuk pemilihan masuk ke kolej perniagaan). Pentaksiran kemahiran insaniah akademik di Amerika Syarikat adalah lebih berkaitan dalam konteks pengetahuan (contohnya, perbendaharaan kata atau spesifik kepada proses matematik) dan adalah setara dengan ujian Australia yang lebih berdasarkan kepada konteks yang tulen dan lebih tertumpu pada kemahiran-kemahiran yang merentasi kurikulum. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan tahap dan penguasaan kemahiran insaniah murid atau sampel yang dipilih dan jarang sekali kajian yang memberi tumpuan kepada analisis pemeriksaan kualiti item dalam sesuatu instrumen yang digunakan.

Dalam konteks tempatan pula ada usaha gigih yang dilakukan oleh beberapa universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), organisasi swasta dan lain-lain lagi tetapi kesemuanya adalah merupakan tahap permulaan. Kumpulan penyelidik UKM yang terdiri daripada Prof. Datin Dr Siti Rahayah Ariffin, Prof Madya Dr Noriah Mohd Ishak, Rodiah Idris, Nur' Ashiqin, Prof Madya Dr Abdul Ghafur Ahmad, Prof Dr Ir Riza Atiq, dan Dr Rasadah telah membangunkan Malaysian Generic Skills Inventory (2008) bagi mengukur tahap kemahiran insaniah pelajar khususnya bagi siswazah pada tahun pertama, yang dinilai secara self-assessment dan dari perspektif pensyarah. Namun begitu masih terdapat lagi lompang-lompang kosong yang perlu dipenuhi mengikut keperluan semasa dan penambahbaikan kerana dengan kekangan masa instrumen yang dibina oleh penyelidik UKM hanya sempat memberi fokus kepada pentaksiran secara persepsi sahaja dan pembangunan instrumen pentaksiran peringkat sekolah menengah masih kurang dilaksanakan.

Begitu juga dengan usaha yang dilakukan oleh KPT dan kumpulan penyelidikan UPM dan ahli-ahli jawatankuasanya telah membina modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) dan instrumen My3S untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Kajian oleh Mohd Majid Konting et al. (2007) yang bertajuk penaksiran kemahiran insaniah awalan dalam kalangan siswazah memberi fokus kepada analisis deskriptif kekerapan, peratusan, purata min dan sisihan piawai, manakala analisis kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang dibina oleh penyelidikan UPM memberi fokus kepada analisis secara CTT dengan indeks inter korelasi. Manakala instrumen yang digunakan adalah skala likert empat mata iaitu pentaksiran secara persepsi. Oleh kerana kajian yang dijalankan ini merupakan kajian memberi penekanan dan tumpuan dalam pentaksiran secara prestasi dan dinilai oleh siswazah sendiri, masih wujud unsur-unsur berat sebelah atau bias dalam penilaian sendiri siswazah.

Selepas sorotan yang telah dibuat daripada beberapa kajian tempatan oleh Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Bahagian Penyelidikan Pendidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan lain-lain yang berkaitan masih kurang terdapat alat pengukuran yang sah, adil, berkualiti dan sesuai untuk mengukur kemahiran insaniah di peringkat sekolah menengah. Sedangkan penilaian kemahiran insaniah murid di sekolah menengah perlu untuk menilai kemenjadian murid. Oleh itu kajian ini perlu dijalankan untuk membina satu instrumen yang sah dan boleh dipercayai bagi mengukur kemahiran insaniah dalam kalangan murid-murid sekolah menengah. Instrumen pentaksiran Standard Kemahiran Insaniah Murid (SKIM) yang dibina dalam kajian ini dapat membantu pihak KPM menyediakan satu instrumen yang sah, sesuai dan terkini bagi mengukur kemahiran insaniah dalam kalangan murid sekolah menengah.

Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif yang dilaksanakan melalui tinjauan berdasarkan borang soal selidik. Sampel kajian melibatkan 271 orang guru dari 15 buah sekolah menengah di daerah Tawau. Pemilihan sampel kajian dibuat menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi empat soalan berkaitan maklumat demografi responden. Manakala Bahagian B mengandungi item soalan mengukur 8 konstruk kemahiran insaniah yang diadaptasi daripada kajian Mohd Fathi (2013). Setiap soalan diikuti dengan lima pilihan jawapan mengikut skala Likert 5 mata iaitu 1 (Tidak pernah), 2 (Kadang-kadang), 3 (Sederhana kerap), 4 (Kerap) dan 5 (Sangat kerap). Penyelidik kemudiannya mengkategorikan kembali pengkelasan skala Likert lima mata kepada tiga peringkat. Kategori tersebut bertujuan untuk mengelaskan setiap item kepada tahap-tahap tertentu bagi membolehkan analisis yang dilakukan lebih jelas dan bermakna. Interpretasi skor min ini diubah suai seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Yang Digunakan

Tahap Pentaksiran	Kekerapan	Interpretasi Skor Min
• Rendah	• Tidak kerap	• 1.00 hingga 2.33
• Sederhana	• Kurang kerap	• 2.34 hingga 3.66
• Tinggi	• Kerap	• 3.67 hingga 5.00

Sumber : (Umi, Zamri dan Jamaludin, 2011)

Responden kajian diminta untuk memberikan respons mengikut skala bersesuaian dalam soal selidik. Hanya soal selidik yang lengkap dipilih untuk dianalisis. Kebolehpercayaan instrumen dianalisis berdasarkan nilai *Alpha Cronbach* iaitu 0.853 yang menunjukkan item-item dalam instrumen mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Namun begitu bagi item-item yang mempunyai pernyataan yang kurang jelas dan kabur telah diubahsuai bagi memudahkan responden menjawab soalan dan mempunyai ketepatan yang tinggi. Analisis data kajian dibuat menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk membuat analisis data deskriptif dalam bentuk peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Hasil analisis dalam Bahagian A ditunjukkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Manakala bagi Bahagian B pula akan ditunjukkan dalam jadual min dan sisihan piawai. Untuk menunjukkan tahap skor berdasarkan empat kategori jawapan yang diberi oleh responden, skor min akan digunakan untuk melihat pencapaian matlamat oleh kajian ini. Bagi menjalankan analisis statistik inferens seperti ujian-t, faktor taburan kumpulan di ambil kira bagi memastikan data bertaburan normal dalam kalangan sampel yang terlibat dalam kajian ini.

Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan hasil analisis dapatan kajian yang melibatkan analisis deskriptif dan inferens menggunakan *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* untuk menilai data demografi responden dan tahap pentaksiran kemahiran insaniah oleh guru dan menentukan perbezaan tahap amalan pentaksiran setiap konstruk kemahiran insaniah mengikut jantina responden.

Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan taburan responden kajian mengikut jantina. Daripada 271 orang responden, 143 (52.8%) orang adalah responden lelaki manakala 128 (47.2%) orang adalah responden perempuan.

Jadual 2. Taburan Responden Kajian Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan (Orang)	Peratus (%)
Lelaki	143	52.8
Perempuan	128	47.2

Tahap Amalan Pentaksiran Kemahiran Insaniah

Jadual 3 menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan tahap amalan pentaksiran kemahiran insaniah mengikut konstruk dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Berdasarkan analisis data kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid berada pada tahap sederhana (Min = 2.93). Analisis data juga menunjukkan dua daripada lapan konstruk kemahiran insaniah menunjukkan tahap amalan pentaksiran yang tinggi iaitu kemahiran komunikasi (Min = 3.290 dan kemahiran kerja berkumpulan (Min = 3.115). Manakala enam konstruk lain yang terdiri daripada konstruk kemahiran menggunakan teknologi (Min = 2.78), kemahiran kerancang dan pengelola aktiviti (Min = 2.77), kemahiran menyelesaikan masalah (Min = 2.84), kemahiran mengurus, memilih dan menganalisis maklumat (Min = 3.00), kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik (Min = 2.72) dan kemahiran memahami budaya (Min = 2.85) berada pada tahap sederhana.

Jadual 3: Min, Sisihan Piawai Dan Tafsiran Bagi Tahap Amalan Pentaksiran Kemahiran Komunikasi Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan

Konstruk Kemahiran Insaniah	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
Kemahiran Komunikasi	3.29	0.62	Tinggi
Kemahiran Menggunakan Teknologi	2.78	0.69	Sederhana
Kemahiran Merancang dan Pengelola Aktiviti	2.77	0.65	Sederhana
Kemahiran Kerja Berkumpulan	3.15	0.76	Tinggi
Kemahiran Menyelesaikan Masalah	2.84	0.72	Sederhana
Kemahiran Mengurus, Memilih dan Menganalisis Maklumat	3.01	0.70	Sederhana
Kemahiran Menggunakan Idea dan Teknik Matematik	2.71	0.71	Sederhana
Kemahiran Memahami Budaya	2.85	0.61	Sederhana
Kemahiran Insaniah	2.93	0.69	Sederhana

Analisis Inferens (Ujian-T)

Untuk membandingkan perbezaan min antara jantina, Ujian-*t* telah digunakan. Analisis keputusan Ujian-*t* ditunjukkan seperti Jadual 4. Analisis dibuat bagi melihat sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan amalan pentaksiran kemahiran insaniah antara guru lelaki dan perempuan bagi setiap konstruk kemahiran insaniah. Analisis data kajian menunjukkan hanya dua konstruk kemahiran komunikasi ($p=0.01$) dan kemahiran kerja berkumpulan ($p=0.04$) menunjukkan nilai perbezaan yang signifikan pada aras 0.05 ($p < 0.05$). Manakala enam konstruk lain kemahiran insaniah yang diuji dalam kajian ini tidak menunjukkan sebarang perbezaan mengikut yang signifikan berdasarkan jantina responden ($P > 0.05$).

Jadual 4. Analisis ujian-t

Konstruk Kemahiran Insaniah	Jantina	Min	Sisihan Piawai	<i>t</i>	<i>df</i>	Sig. (2-tailed)
Kemahiran Komunikasi	Lelaki	3.20	0.65	-2.52	269	0.01
	Perempuan	3.39	0.57			
Kemahiran Menggunakan Teknologi	Lelaki	2.75	0.71	-0.74	269	0.46
	Perempuan	2.82	0.66			
Kemahiran Merancang dan Pengelola Aktiviti	Lelaki	2.70	0.62	-1.90	269	0.06
	Perempuan	2.85	0.67			
Kemahiran Kerja Kumpulan	Lelaki	3.06	0.77	-2.06	269	0.04
	Perempuan	3.25	0.72			
Kemahiran Menyelesaikan Masalah	Lelaki	2.90	0.73	1.34	269	0.18
	Perempuan	2.78	0.71			
Kemahiran Mengurus, Memilih dan Menganalisis Maklumat	Lelaki	3.00	0.72	-0.20	269	0.84
	Perempuan	3.08	0.68			
Kemahiran Menggunakan Idea dan Teknik Matematik	Lelaki	2.79	0.73	1.65	269	0.10
	Perempuan	2.64	0.68			

Kemahiran Memahami Budaya	Lelaki	2.82	0.62	-0.93	269	0.36
	Perempuan	2.88	0.60			

Perbincangan

Dapatan menunjukkan amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid sekolah menengah di daerah Tawau berada pada tahap yang sederhana dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Tahap amalan pentaksiran kemahiran insaniah yang sederhana, ianya merupakan petanda bahawa guru masih kekurangan instrumen pentaksiran kemahiran insaniah murid dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Dapatan menunjukkan bahawa amalan pentaksiran kemahiran komunikasi mempunyai nilai min terkumpul tertinggi berbanding dengan kemahiran lain. Kemahiran ini merupakan kemahiran yang kerap ditaksir oleh guru semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan menggunakan instrumen pentaksiran berasaskan sekolah mengikut mata pelajaran.

Bagi konstruk kemahiran menggunakan teknologi, nilai min terkumpul menunjukkan amalan pentaksiran guru bagi kemahiran ini adalah pada tahap yang sederhana. Dapatan ini menyokong kajian penerapan kemahiran insaniah dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah menengah yang menyatakan kemahiran ini kurang diterapkan dalam pengajaran dan pemudahcaraan (Umi Nadiha, Zamri & Jamaludin 2011). Sehubungan dengan itu, pihak sekolah seharusnya mengambil inisiatif membudayakan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pemudahcaraan kerana pihak kerajaan telah memperuntukkan bajet yang sangat besar dalam mengintegrasikan teknologi dalam Pendidikan. Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berfikiran, kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini (Zamri & Mohamed Amin 2008).

Dapatan kajian bagi amalan pentaksiran kemahiran merancang dan mengelola aktiviti menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap yang sederhana. Dapatan ini didapati tidak selari dengan hasil kajian Zulkiflie (2005). Dapatan kajian beliau mendapati bahawa guru mengamalkan strategi pengajaran berpusatkan murid dan sangat kerap menggunakan kaedah perbincangan, kolaboratif, generatif dan kaedah inkuiri. Oleh demikian guru seharusnya selarikan kekerapan strategi pengajaran dengan amalan pentaksiran kemahiran murid bagi menilai kemenjadian mereka.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan amalan pentaksiran kemahiran bekerja dengan orang lain secara berkumpulan berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dijalankan di sekolah menengah teknik negeri Terengganu yang menyatakan guru-guru bidang kejuruteraan telah menerapkan kedua-dua kemahiran ini pada tahap yang tinggi dalam pengajaran dan pemudahcaraan (Zainudin, Mohd Anuar & Mohd Najib 2007).

Dapatan ujian-*t* mendapati bahawa terdapat perbezaan signifikan amalan pentaksiran kemahiran insaniah antara guru lelaki dengan guru perempuan dalam konstruk kemahiran komunikasi dan kemahiran kerja berkumpulan. Manakala terdapat enam kemahiran insaniah lain tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Hasil dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Mohd Yusof dan Seri Bunian (2009). Mereka telah menjalankan kajian mengenai penerapan kemahiran insaniah 71 orang pensyarah program Kejuruteraan di Politeknik Sultan Azlan Shah. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat perbezaan antara tahap enam kemahiran insaniah merentas jantina. Hasil kajian mendapati bahawa tidak ada perbezaan yang signifikan dalam penerapan kemahiran insaniah mengikut jantina.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, amalan pentaksiran kemahiran insaniah oleh guru di sekolah menengah daerah Tawau masih di tahap yang sederhana. Item-item yang terkandung dalam 8 konstruk kemahiran insaniah yang dikaji berdasarkan pentaksiran guru adalah penting untuk dikuasai oleh murid sekolah menengah. Selain itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina guru terhadap amalan pentaksiran kemahiran insaniah murid sekolah menengah. Hasil dapatan kajian ini boleh dijadikan asas kepada pembinaan instrumen pentaksiran kemahiran insaniah murid sekolah menengah agar profil kemahiran insaniah murid dapat dibangunkan dan dicadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk diimplementasikan dalam pengajaran dan pemudahcaraan. Di samping itu, kajian ini penting untuk memberi maklumat sejauh mana pelaksanaan pentaksiran kemahiran insaniah murid di sekolah menengah. Dapatan kajian ini akan memberi faedah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan khususnya guru yang akan melaksanakan pentaksiran di sekolah kelak. Pihak pengurusan sekolah boleh membuat cadangan kepada pihak atasan untuk melaksanakan pentaksiran kemahiran insaniah murid pada masa akan datang. Guru dapat memberi maklumat kepada murid kepentingan menguasai kemahiran-kemahiran insaniah yang perlu ada dalam diri mereka seterusnya membolehkan mereka bersedia dengan segala kemahiran untuk diguna pakai semasa menempuh alam pekerjaan. Kajian ini juga dapat membantu KPM merancang pembinaan satu instrumen pentaksiran kemahiran insaniah murid sekolah menengah. Instrumen ini seterusnya dapat membantu mentaksir kemahiran insaniah murid. Akhir nanti, data tahap kemahiran insaniah murid sekolah menengah dapat diwujudkan secara berpusat dan sistematik.

Rujukan

- Akhir, A. M., Taat, M. S., & Salam, S. N. (2020). Pengaruh Sikap, Kesiediaan Guru Dan Efikasi-Kendiri Guru Terhadap Komuniti pembelajaran Profesional. *International Journal of Modern Education*, 2(7), 76-89.
- Akhir, A. M., Taat, M. S., & Salam, S. N. (2020). Hubungan Sikap, Kesiediaan Guru Dan Efikasi-Kendiri Guru Dengan Komuniti pembelajaran Profesional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 221-231.
- Allan, J. & Clarke, K. 2007. Nurturing supportive learning environments in higher education through the teaching of study skills: To embed or not to embed? *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 19 (1): 64-76.
- Adriana Muhamad Akhir, Muhamad Suhaimi Taat, Syahrul Nizam Salam (2020). Pengaruh Sikap, Kesiediaan Guru Dan Efikasi-Kendiri Guru Terhadap Komuniti pembelajaran Profesional. *International Journal of Modern Education*, 2(7), 76-89.
- Adriana Muhamad Akhir, Muhamad Suhaimi Taat, Syahrul Nizam Salam .(2020). Hubungan Sikap, Kesiediaan Guru Dan Efikasi-Kendiri Guru Dengan Komuniti pembelajaran Profesional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 221-231.
- Anuwar Ali. 2006. Revamping the Malaysian education system. *Paper presented at The National Economics Conference*, Hilton Hotel, Kuala Lumpur.
- Ballantine, J. & Larres, M.P. 2007. Cooperative learning: A pedagogy to improve students' generic skills? *Journal Education and Training* 49 (2): 126-137.
- Bennett, N., Dunne, E. & Carré, C. 2000. *Skills development in higher education and employment*. Buckingham. SRHE & Open University Press.
- Biggs, J. 2003. *Teaching for quality learning at university*. Maidenhead: Society for Research into Higher Education & Open University Press.

- Fathi. 2013. *Penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru PTV di sekolah menengah pendidikan khas vokasional di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hambur, S., Rowe, K. & Luc, L.T. 2002. *Graduate skills assessment*. Australian Council For Educational Research. Australia: Commonwealth Department of Education Science & Training.
- Jager, K.D. & Nassimbeni, M. 2005. Information literacy and quality assurance in south african higher education institutions. *South African Journal of Libraries and Information Science* 55: 31-38.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2006a. *Modul pembangunan kemahiran insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Krejcie RV, Morgan DW (1970) *Education and Psychological Measurement: Determining Sample Size for Research Activities*.
- Lizzio, A. & Wilson, K. 2004. First-year students' perceptions of capability. *Studies in Higher Education* 29 (1): 109-128.
- Lublin, J. 2003. Generic objectives and transferable skills: Centre for Teaching and learning: Good practice in teaching and learning. *Engineering Science and Education Journal* 8 (4): 161-168.
- Mohd Hussin Musa, Christina Andin & Syahrul Nizam Salam. (2020). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Kemahiran Insaniah Murid (IPKIM) Mata Pelajaran Rekacipta. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 96-107.
- Musa, M. H., Andin, C., Salam, S. N. (2020). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Kemahiran Insaniah Murid (IPKIM) Mata Pelajaran Rekacipta. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 96-107.
- Nuin, N. F. M., Ambotang, A. S., & Salam, S. N. (2020). Pengaruh Motivasi dan Kompetensi terhadap Perubahan Pengurusan Data Murid di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (34), 116-125.
- Norin Farizah Mohd Nuin, and Abdul Said Ambotang, and Syahrul Nizam Salam. (2020) Pengaruh motivasi dan kompetensi terhadap perubahan pengurusan data murid di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5 (34). pp. 116-125. ISSN 0128-164X
- Osman Said, Mohd. Nasir Rayung, Syahrul Nizam Salam & Abdul Said Ambotang .(2020). Pengaruh Sikap Guru, Pengetahuan Guru dan Kemahiran Guru Terhadap Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah Kebangsaan di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 188-205
- Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK). 2001. *Kemahiran generik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rozita. (2018). Isu kebolehpasaran dan kebolehgajian graduan pra-u tingkatan enam di bahagian Pantai Barat Selatan Sabah. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 4(10), 96-105.
- Said, O., Rayung, M. N., Salam, S. N., & Ambotang, A. S. (2020). Pengaruh Sikap Guru, Pengetahuan Guru dan Kemahiran Guru Terhadap Kompetensi Pengurusan Disiplin Sekolah Kebangsaan di Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (35), 188-205.
- Sharifah Hapsah Syed Shahabudin. 2008. Universiti Kebangsaan Malaysia Ke Arah Universiti Penyelidikan Unggul. *Syarahana Naib Canselor*, 18 Januari 2008.
- Smith, C. & Bath, D. 2006. "The role of the learning community in the development of discipline knowledge and generic graduate outcomes." *Higher Education* 51 (2): 259-286.

Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman. (2018). Pengaruh Faktor Penyumbang Terhadap Kendiri Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam Di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Akademik Kementerian Pendidikan Malaysia*, 3 (34)

Syahrul Nizam Salam, Abdul Said Ambotang, Ghazali Hassan Sulaiman .(2019). Hubungan Sikap Terhadap Ekonomi Dan Kefahaman Konsep Ekonomi Dengan Kendiri Pelajar Ekonomi. *Jurnal Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia*, 4(34), 16-29